

PEMIKIRAN ISLAMİ DALAM PUISI-PUISI
TERPILIH PENYAIR SABAH
BERDASARKAN KONSEP
ESTETIKA BERSEPADU

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

NORAWI BIN KATA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

PEMIKIRAN ISLAMI DALAM PUISI-PUISI TERPILIH PENYAIR SABAH
BERDASARKAN KONSEP ESTETIKA BERSEPADU

NORAWI BIN KATA

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...9....(hari bulan) Januari... (bulan) 20...24...

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORAWI BIN KATA (P20182002319) FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMIKIRAN ISLAMI DALAM PUISI-PUISI TERPILIH PENYAIR SABAH BERDASARKAN KONSEP ESTETIKA BERSEPADU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan seelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESSOR DR.ABDUL HALIM BIN ALI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMIKIRAN ISLAMI DALAM PUISI-PUISI TERPILIH PENYAIR SABAH BERDASARKAN KONSEP ESTETIKA BERSEPADU

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

17 Januari 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMIKIRAN ISLAMI DALAM PUISI-PUISI TERPILIH PENYAIR
SABAH BERDASARKAN KONSEP ESTETIKA BERSEPADU

No. Matrik /Matric's No.: P20182002319

Saya / I : NORAWI BIN KATA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (☒) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (☒) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia/ Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi/ Name & Official Stamp)
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Tarikh: 17 Januari 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Bismil'lahirah'manirohim

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya, tesis kedoktoran ini dapat saya laksanakan sepenuhnya. Salawat dan Salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW yang mana perjuangannya menjadi idola dalam proses untuk menyiapkan tesis ini. Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga buat Profesor Dr. Abdul Halim Ali, Penyelia Utama saya atas bimbingan dan motivasi yang diberikan. Tidak lupa buat Profesor Madya Dr. Ghazali Din, Penyelia Bersama dalam program ini yang sentiasa mencurahkan buah fikiran serta idea yang bernas semasa proses penulisan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya huluskan buat Profesor Dr Azhar Wahid yang banyak mendorong saya untuk melanjutkan pengajian hingga ke tahap ini. Buat Isteri tersayang, Adizah Jamli dan puteri yang dikasihi, Mardhiyyah Norawi, yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Sesungguhnya anda adalah sumber inspirasi saya. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan buat kaum keluarga, jiran tetangga dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi semangat serta dorongan yang menjadikan saya sentiasa bersemangat untuk berkarya dan melaksanakan tugas-tugas kajian ini. Tidak lupa buat rakan penulis, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Sastera dan Budaya Sabah, yang sentiasa memberi dorongan dan motivasi buat saya untuk meneruskan pengajian ini. Doa kalian sama ada saya ketahui atau tidak ketahui, saya amat menghargainya. Moga Allah SWT menganugerahkan kita rahmat dan pahala yang berlipat ganda di dunia dan di akhirat. Amin. Terima kasih semuanya.

NORAWI BIN KATA

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincang, menganalisis dan merumuskan aspek pemikiran Islami dalam puisi-puisi terpilih lima orang penyair Sabah. Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Analisis dan perbincangan deskriptif berpandukan dua prinsip yang terdapat dalam krangka Teori Estetika Bersepadu yang dipelopori oleh Abdul Halim Ali (2010) iaitu (1) kesepaduan gaya bahasa dan pemikiran (*stail*) penyair dengan perutusan, (2) perkaitan *stail* dan perutusan dengan kebenaran. Terdapat empat jenis gaya bahasa kiasan iaitu gaya bahasa metafora, personifikasi, anafora dan alusi. Gaya bahasa yang bersepadu dengan pemikiran serta perutusan kebenaran dapat menerbitkan keindahan yang dapat mengusik emosi dan keterujaan pembaca. Keindahan dalam sesebuah karya sastra umpamanya puisi moden selain dapat menerbitkan makna dan pemikiran tetapi dapat memberi pengajaran berguna kepada masyarakat. Hasil analisis membuktikan wujudnya kesepaduan gaya bahasa kiasan dan pemikiran (*stail*) dengan perutusan keagamaan yang meliputi aspek akidah, syariat dan akhlak. Hubungan manusia dengan pencipta dan hubungan manusia sesama manusia merupakan teras utama dalam pemikiran Islami yang terkandung dalam puisi-puisi yang terdapat dalam 'Tanah Kerinduan' karya Jalidar Abd Rahim, 'Kembali di Lahad Rahsia' karya Hasyuda Abadi, 'Sewaktu Pesawat Runduk' karya Arifin Arif, 'Jernih Diri' karya Marmoh Kasman dan 'Jelita Seorang Aisyah' karya Sahara Jais. Hasil analisis telah membuktikan bahawa pemikiran yang dicetuskan oleh penyair dalam karya adalah berkait rapat dengan realiti kehidupan penyair. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh lima orang penyair adalah berdasarkan pengalaman dan latar pendidikan yang berbeza, namun menggunakan al-Quran dan Hadis sebagai panduan dalam berdakwah. Berasaskan kekuatan puisi-puisi penyair ini, boleh dicadangkan untuk rujukan pembelajaran sama ada di sekolah atau Pusat Pengajian Tinggi.

Kata Kunci : Kesepaduan, Keindahan, Perkaitan, Stail, Perutusan





ISLAMIC THOUGHT IN SELECTED POEMS BY SABAH POETS BASED ON THE CONCEPT OF *ESTETIKA BERSEPADU*

ABSTRACT

This research aims to discuss, analyze, and summarize Islamic thought in the selected poems of five Sabahan poets. The study is a literature review that utilizes content analysis and descriptive analysis methods. Descriptive analysis and discussion are guided by two principles found in the framework of the Integrated Aesthetics Theory pioneered by Abdul Halim Ali (2010): (1) the harmony of literary style and the poet's message, (2) the relationship between style and message with truth. There are four types of figurative language styles: metaphorical language, personification, anaphora, and allusion (figurative language) that is integrated with thought and the message of truth, producing beauty that can stir the emotions and enthusiasm of readers. Beauty in a literary work, such as modern poetry, not only generates meaning and thought but also provides valuable lessons to society. The analysis results prove the connection between figurative language and thought (style) with the religious message covering aspects of faith, Sharia, and morality. The relationship between humans and the Creator, as well as the relationship among humans, is the core of Islamic thought contained in the poems found in 'Tanah Kerinduan' by Jalidar Abd Rahim, 'Kembali di Lahad Rahsia' by Hasyuda Abadi, 'Sewaktu Pesawat Runduk' by Arifin Arif, 'Jernih Diri' by Marmoh Kasman, and 'Jelita Seorang Aisyah' by Sahara Jais. The analysis has proven that the thoughts generated by the poets in their works are closely related to their actual life reality. The poems written by these five poets are based on different experiences and educational backgrounds, however, they all used the Quran and Hadith as guidance for preaching. Based on the strength of these poets' poems, it is recommended that they be considered for educational reference in schools and higher education institutions.

Keywords: Harmony, Beauty, Connection, Style, Message



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	9
1.3	Permasalahan Kajian	15
1.4	Objektif Kajian	19
1.5	Soalan Kajian	19
1.6	Kepentingan Kajian	20
1.7	Batasan Kajian	21
1.7.1	Batasan Pemilihan Teks	23
1.7.2	Batasan Pemilihan Prinsip Gagasan Estetika Bersepadu	27
1.8	Definisi Operasional	29
1.8.1	Pemikiran Islami	30

1.8.2	Puisi-Puisi Terpilih	33
1.8.3	Penyair Sabah	34
1.8.4	Konsep Estetika Bersepadu	35
1.9	Kerangka Kajian	36
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	37
2.2	Kajian Lalu Berkaitan Penyair Sabah	38
2.3	Kajian lalu Berkaitan Puisi Islam	51
2.4	Sorotan Kajian Lalu Berkaitan Teori Estetika Bersepadu	69
2.4.1	Kajian Di Luar Negara	75
2.5	Kesimpulan	83
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	86
3.2	Kaedah, Pendekatan dan Rekabentuk Kajian	86
3.3	Pengumpulan Data dan Analisis Data	88
3.4	Sampel Kajian	89
3.5	Kerangka Konseptual Estetika Bersepadu	89
3.5.1	Prinsip-prinsip	93
3.5.2	Keadaman	96
3.5.3	Keadaman Teks	97
3.5.4	Konsep Keadaman teks	98
3.5.5	Ciri-Ciri Keadaman Teks	100
3.5.6	Mengkritik Teks Berpandukan Idea Teori Estetika Bersepadu	103
3.5.7	Stilistik	105

3.5.8	Asas Pokok Ajaran Islam	108
3.5.8.1	Akidah	108
3.5.8.2	Syariat	109
3.5.8.3	Akhlak	110
3.6	Kesimpulan	110
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	112
4.1.1	Pemikiran Islami	114
4.1.2	Hubungan Manusia dengan Pencipta	115
4.1.2.1	Tanggungjawab Mengerjakan Ibadah Puasa Seperti yang Disyariatkan	116
4.1.2.2	Tanggungjawab Mengerjakan Ibadah Haji	125
4.1.3	Pengabdian Diri Terhadap Pencipta	138
4.1.4	Muhasabah Diri	143
4.1.5	Hubungan Manusia dengan Allah SWT Melalui Doa dan Munajat	150
4.1.6	Kehebatan Cinta Manusia Terhadap Allah SWT	156
4.1.7	Menghayati Kebesaran Allah SWT	161
4.1.8	Peringatan Tentang Kematian	166
4.1.9	Hubungan Sesama Manusia	170
4.1.9.1	Hubungan Adam dan Hawa Serta Anak-Anaknya	171
4.1.9.2	Hubungan Sesama Manusia dalam Konteks Negara	173
4.1.9.3	Hubungan yang Tidak Harmoni dalam Masyarakat	177
4.1.9.4	Hubungan yang Bersandarkan Akal Budi	181

	4.1.9.5 Kekejaman Manusia	185
	4.1.9.6 Hubungan Kasih Sayang Terhadap Keluarga	188
4.2	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Agama	193
4.2.1	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Tentang Menunaikan Ibadat Puasa	200
4.2.2	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Tentang Ibadat Haji	208
4.2.3	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Tentang Berdoa	215
4.2.4	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Tentang Kebesaran Allah SWT	219
4.2.5	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Tentang Hakikat Cinta	226
4.2.6	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Tentang Mengingati Mati	236
4.2.7	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Hubungan Sesama Manusia	248
4.2.8	Kesepaduan Stail Dengan Perutusan Tentang Kecaknaan Terhadap Penganiayaan Kanak-Kanak	256
4.2.9	Kesepaduan Stail dan Perutusan dengan Kasih Sayang Terhadap keluarga	260
4.2.10	Kesepaduan Pemikiran dengan Gaya Alusi Kisah-Kisah Nabi dan Tokoh-Tokoh Islam	265
4.3	Perkaitan Stail dan Perutusan Agama dengan Kebenaran	271
4.3.1	Perkaitan Stail dan perutusan dengan al-Quran dan al-Hadis	272
	4.3.1.1 Perutusan tentang ibadah puasa pada bulan Ramadan	273
	4.3.1.2 Perkaitan Stail dengan Perutusan Tentang Mengerjakan Ibadat Haji	279

4.3.1.3	Perkaitan Stail dengan Perutusan Tentang Doa dan Munajat	283
4.3.1.4	Perkaitan Stail dengan Perutusan Tentang Muhasabah Diri	290
4.3.1.5	Perkaitan Stail dengan Perutusan Tentang Mengingati Mati	293
4.3.2	Perkaitan Stail dan Perutusan dengan Sejarah para Rasul dan Nabi	296
4.3.2.1	Sejarah Nabi Adam a.s	297
4.3.2.2	Kisah Nabi Muhammad	298
4.3.2.3	Sejarah Rasul-Rasul Lain	301
4.3.3	Perkaitan Stail dengan Sejarah Tokoh Intelek Islam	307
4.3.3.1	Ghazali	308
4.3.3.2	Ibnu Sina	309
4.3.3.3	Ibnu Khaldun	311
4.3.3.4	Bukhari	313
4.3.4	Perkaitan Stail dengan Tokoh Wanita Islam	314
4.3.4.1	Siti Khadijah	314
4.3.4.2	Siti Aisyah	315
4.3.4.3	Rabiatul Adawiyah	317
4.3.5	Perkaitan Stail dan Perutusan Agama dengan Pengalaman Hidup Penyair	319
4.3.5.1	Pengalaman Hidup Merantau	322
4.3.5.2	Pengalaman Penyair Tentang Isu-Isu Semasa	328
4.3.5.3	Pengalaman Bersama Keluarga	333
4.4	Kesimpulan	339

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	340
5.2	Dapatan Kajian	341
5.2.1	Kesepaduan Stail dengan Perutusan Agama	342
5.2.2	Perkaitan Langsung Penggunaan Gaya Bahasa Dengan Pemikiran Penyair	343
5.2.3	Signifikasi Penggunaan Gaya Bahasa Dan Kesepaduannya Dengan Perutusan Agama	345
5.2.4	Kesepaduan Estetik Penyair Berkait Langsung Dengan Latar Keperibadian Estetik Penyair	347
5.2.5	Wujud Perkaitan Langsung Penggunaan Gaya Bahasa Dan Pemikiran Penyair (Stail) Dengan Aspek-Aspek Kontekstual	349
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	351
5.3.1	Pencapaian Objektif Kajian	352
5.3.2	Dapatan Kajian Dengan Soalan Kajian	356
5.4	Cadangan	359

RUJUKAN	362
----------------	-----

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Ciri-ciri yang melengkapkan sifat indah penciptaan Nabi Adam a.s	100
3.2	Ciri dan fungsi Teks Kesusasteraan	101
4.1	Penyair Sabah dan Jumlah Puisi	113
4.2	Kesepaduan Stail dalam Puisi Terpilih Penyair Sabah	196
5.1	Ringkasan dapatan kajian kesepaduan <i>stail</i> dengan perutusan agama	343



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Konsep Keindahan Dalam dan Luaran	92
3.2	Nilai Keindahan dalam Teks Sastera	93
3.3	Konsep Estetika Bersepadu	96
3.4	Prinsip <i>Estetika Bersepadu</i>	102
4.1	Aspek Pemikiran Islami	115
4.2	Perkaitan stail dan perutusan agama dengan kebenaran	319
4.3	Perkaitan Pengalaman Penyair Sabah dengan <i>stail</i> dan perutusan	322
5.1	Perkaitan stail dan perutusan agama dengan aspek kontekstual	352



SENARAI SINGKATAN

BAHASA	Badan Bahasa dan Sastera Sabah
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DBPCS	Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah
HSS	Hadiah Sastera Sabah
IPS	Ikatan Penulis Sabah
MBSS	Majlis Bahasa dan Sastera Sabah
PSBS	Persatuan Sastera dan Budaya Sabah

SENARAI LAMPIRAN

- A Kulit Buku Kumpulan Puisi 'Tanah Kerinduan' Karya Jalidar Abd Rahim (DBP Sabah;2004)
- B Kulit Buku Kumpulan Puisi 'Kembali di Lahad Rahsia Karya Hasyuda Abadi (ADUN Membakut;2008)
- C Kulit Buku Kumpulan Puisi 'Sewaktu Pesawat Runduk' Karya Arifin Arif (ITBM;2014)
- D Kulit Buku Kumpulan Puisi 'Jernih Diri' Karya Marmoh Kasman (ITBM;2015)
- E Kulit Buku Kumpulan Puisi 'Jelita Seorang Aisyah' Karya Sahara Jais (ITMB;2016)

BAB 1

PENGENALAN

Negeri Sabah telah melakar sejarah dalam bidang kesusasteraan Melayu apabila puisi pertama berjudul 'Rayuan' karya Murshidi Nambi tersiar dalam Majalah Hiburan bertarikh 7 Januari 1950. Selepas itu muncul puisi 'Kinabalu' karya Jawa yang tersiar dalam Kinabalu Magazine pada April 1954. Namun perkembangan genre puisi tidaklah dilaporkan rancak pada era 50-an kerana faktor galakan, sokongan dan faktor media massa yang baharu bermula ketika itu.

Pada era 1960-an kebanyakan penulis menulis kisah perjuangan dan membangkitkan semangat nasionalisme. Para penyair yang muncul pada era 1960-an ialah K.Bali, Jamdin Buyong, Mujapandi, Amil Jaya, Seri Nanti, Mastun Abas, Madah Aryani (sekadar menyebut beberapa nama). Mereka menghasilkan karya yang



menggambarkan kemiskinan, mengangkat jati diri bangsa untuk mengisi kemerdekaan. Selain itu, mereka membantu memberi gambaran bahawa betapa pentingnya masyarakat mengubah corak kehidupan dalam mengisi erti kemerdekaan.

Kesedaran berpersatuan dalam kalangan penulis juga telah membantu kerancangan Kesusasteraan Melayu dalam era 1970-an. Misalnya penubuhan Badan Bahasa Sabah (BAHASA) telah dapat mengumpul penulis untuk melaksanakan pelbagai program yang disokong oleh kerajaan Negeri Sabah ketika itu. Sempena ulang tahun ke-10 kemerdekaan Sabah melalui Malaysia, Tun Mustapha telah mengumumkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Sabah. Menurut Ismail Abas dan Suhaibun Yusof, pengisytiharan itu merupakan hasil perjuangan penulis dan aktivis sastera seperti yang telah termeterai dalam resolusi seminar anjuran BAHASA pada 4 hingga 6 Ogos 1970 yang diadakan di Kota Kinabalu. Tun Mustapha selaku Ketua Menteri Sabah telah mengumumkan dermanya untuk melancarkan Sayembara Novel GAPENA sempena Hari Sastera yang diadakan di Taman Prince Philip, Tanjung Aru pada 15 hingga 21 September 1973. Selepas itu diadakan pula peraduan deklamasi puisi yang telah menarik minat golongan muda untuk menjadi pendeklamator dan penulis puisi yang baik. Dengan adanya galakan seumpama itu, maka bertambah semaraklah kegiatan Kesusasteraan Melayu di Sabah.

Ekoran daripada pengisytiharan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Sabah secara tidak langsung memudahkan pemimpin bersama para ahli BAHASA untuk mengusulkan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Akhirnya pada 1 Januari 1977, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS) telah tertubuh dengan rasminya. Dengan tertubuhnya DBP Sabah sudah tentu ianya telah memberi





impak kepada kerancakan sastera di Sabah. Sebelum tertubuhnya DBP Sabah pun ada di antara beberapa orang penulis yang telah muncul lebih awal lagi iaitu Zaiton Ajamain, Ismaily Bongsu, R.Hamzah Dua, Sairah Antin, Ramlee AR dan lain-lain. Mereka ini adalah nama-nama besar penulis generasi kedua negeri ini selepas penulis yang lahir pada era sebelum dan selepas merdeka.

Puisi Sabah era 1970-an makin menyerlah walaupun penyairnya silih berganti. Ini didorong apabila Jamdin Buyong (Datuk) memenangi Hadiah Sastera Malaysia, Jamdin Buyong yang juga Setiausaha BAHASA merupakan salah seorang pejuang bahasa dan sastera Melayu yang tidak boleh dipertikaikan lagi kewibawaannya. Manakala Zaiton Ajamain yang telah mengetuai Kumpulan Anak Seni telah turut menyemarakkan Puisi Moden di Sabah melalui acara baca puisi dan persembahan gerak tari. Secara tidak langsung memberi impak besar terhadap pembinaan sastera di Sabah khususnya puisi moden.

Menurut Matlin Dullah (1992), membincangkan pemikiran dalam satu tempoh satu dekad adalah suatu perkara yang sukar tanpa mengambil kira pemikiran dan perkembangan yang awal. Malah jangka masa satu dekad selalunya tidak dapat memperlihatkan pemikiran keseluruhan karya-karya berkenaan. Sejauh manakah kebenaran pendapat itu? Kajian harus dilakukan bagi mengkaji pemikiran penyair Sabah dalam puisi-puisi terpilih mereka. Ramai penyair Sabah yang berkarya sekian lama, tapi hasil karya mereka tidak pernah dikaji mahupun dibicarakan. Satu kajian ilmiah perlu dilakukan untuk mengkaji pemikiran penyair Sabah dari pelbagai latar belakang, demografi, dan kecenderungan melalui hasil pendidikan yang diperolehi dan pengalaman masing-masing.



Imej alam yang dibawa oleh penyair mempunyai warna yang berbeza daripada sebelumnya. Imej itu tidak lagi dikaitkan dengan kemelatan, kemiskinan dan penderitaan. Malah penyair telah memberi warna baharu melalui sifat berani dan gigih yang dikaitkan dengan ketenangan, ketenteraman dan kemakmuran. Penyair Sabah tahun 1970-an dikatakan sering mengungkapkan imej dan fenomena alam dalam puisi- puisi mereka. Adakah kecenderungan itu masih dikekalkan dalam menghasilkan puisi yang indah dan berkualiti?

Kecintaan terhadap warga dan tanahair dapat dikesan daripada sajak-sajak tahun 1970-an. Selain semangat patriotisme mereka mengaitkan puisi itu dengan dengan semangat Mat Salleh menentang penjajahan Inggeris di Sabah. Puisi Jamdin Buyong, “Kematian Kekasih Bumi” dan “Langit Merah” (Kumpulan sajak-sajak Hadiah Sastera 1971-1973, 1982: 30-31) yang memenangi Hadiah Sastera 1971-1973 memperlihatkan semangat nasionalisme yang tinggi.

Ada juga penyair yang mengaitkan kehidupan dengan keadaan di kota. Kota yang dikaitkan dengan masalah sosial seperti maksiat berpanjangan, pelacuran, perjudian, penipuan dan penganiayaan. Dalam pandangan biasa menyatakan kota sebagai pusat kemajuan, tapi sebaliknya dalam interpretasi penyair, kota merupakan pusat maksiat, ketidakadilan, kegelisahan, penipuan dan pelbagai lagi. Namun, ada juga penyair yang meletakkan imej kota secara positif di mana kota dikatakan sebagai tempat yang masih mengandungi nilai-nilai murni. Kota dijadikan sebagai tempat mencari inspirasi dan aspirasi dalam memajukan kehidupan.



Peluang untuk menyiarkan karya sastera dalam suratkhbar di Sabah dalam era 1970-an juga sangat merangsang minat dan produktiviti penyair. Ruangan sastera dan budaya dalam akhbar *Sabah Times* dan *Harian Ekspres* yang disiarkan setiap hari Ahad untuk genre puisi dan cerpen telah melahirkan beberapa orang penulis pada era 1970-an sekaligus masih mempertahankan penampilan penulis yang muncul sebelum itu. Mereka ialah Zaiton Ajamain, Sairah Antin, Kembara Muda, R.Hamzah Dua, Ramlee AR, Hashim Jeffery dan lain-lain. Manakala penyair dari Utara Sabah yang lahir pada pertengahan era 70-an ialah Sibanita AS, Al-Kesah Bidin, Muhammad Hadie Nordie, Moh Zain Assoh, Hasyuda Abadi dan lain-lain.

Tahun 1980-an telah menemukan muka-muka baharu dalam dalam bidang kepenyairan walaupun ada beberapa orang penyair dikatakan telah berhenti menulis.

Namun tidak dinafikan kerancangan aktiviti yang dilaksanakan oleh DBP Sabah merupakan pendorong kepada para penyair untuk terus berkarya. Nama-nama seperti Arifin Arif, Jasni Matlani, Mahmud Edie, Matlin Dullah, Hasyuda Abadi, A. Karim Kadir, Mohd Zain AH, Jair Sulai, Abd. Naddin Shaididin, Juri Durabi, Soibil Madun, Masrani Madun dan lain-lain merupakan penyair yang prolifik berkarya pada masa itu.

Tahun 1990-an DBPCS telah memperkenalkan Projek Anak Angkat penulis Sabah di mana para penulis dipilih untuk melaksanakan projek penulisan dan hasilnya akan diterbitkan dalam bentuk buku oleh DBPCS. Projek Anak Angkat tidak menjurus kepada genre puisi sahaja, tetapi untuk semua genre mengikut kecenderungan seseorang penulis itu. Maka lahirlah antologi perseorangan “Balada Paduka Mat Salleh,” karya Hasyuda Abadi dan “Laut Sebuah Ayunan,” karya Saibil Madun.





Di Kudat telah wujud kumpulan yang bergiat aktif dalam aktiviti bedah puisi. Mereka terdiri daripada Mohammad Zain AH, Soibil Madun, A. Karim Kadir, Sibanita AS, Jair Sulai, Ramli Gollah, Saik Dalwis. Setiap minggu atau sebelah petang mereka berkumpul di suatu tempat untuk membedah karya rakan-rakan di samping acara baca puisi. Aktiviti itu ternyata telah melahirkan ramai penyair terutamanya di Utara Sabah. Pertemuan penulis Muda Sabah di Kudat pada tahun 1990 yang dihadiri oleh Sutung Umar RS telah membakar semangat penulis muda untuk menulis dan menghantar puisi khususnya majalah terbitan DBP Kuala Lumpur umpamanya Dewan Sastera dan Dewan Budaya. Menurut Sutung Umar RS, Kudat adalah lubuk penyair Sabah berdasarkan kualiti puisi mereka.

Impak terhadap galakan memartabatkan sastera amat penting bagi menyuburkan dunia kepenyairan. DBP Sabah telah memperkenalkan Hadiah Sastera Sabah (HSS) kali pertama pada tahun 1989 di mana karya-karya penulis Sabah dinilai secara dwi-tahunan. Selain genre novel, esei kritikan dan cerpen, genre puisi tidak terkecuali dalam penilaian tersebut. Hadiah Sastera Sabah masih berlanjutan hingga kini. Beberapa nama baharu iaitu Raymond Majumah, Jasni Yaakob, Sahara Jais, Mabulmaddin Shaiddin, Norawi Hj Kata, Ruhaini Matdarin, Rita Robert Rawantas (sekadar menyebut beberapa nama) telah turut merencanakan lagi dunia kepenyairan Sabah.

Jasni Matlani, Hasyuda Abadi, Jair Sulai Mohamad Zain AH, A. Karim Kadir, Juri Durabi, Jair Sulai, Saik Dalwis, Soibil Madun, Mabulmaddin Shaiddin, dan Norawi Hj Kata (sekadar menyebut beberapa nama) merupakan penyair yang sering memenangi Hadiah Sastera Sabah dalam genre puisi eceran.





Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan kepenyairan di Sabah telah dimotivasikan oleh program-program DBP Sabah. Acara sastera bersifat serantau iaitu Dialog Teluk, Dialog Borneo, Perkampungan Sasterawan, Majlis Pengucapan Puisi Bandaraya dan Pertemuan Budayawan BIMP-EAGA telah mencetus fenomena baharu dalam dunia kepenyairan di Sabah. Dalam era Sabah Baharu, DBP Sabah bersama persatuan penulis serta agensi kerajaan yang lain bekerjasama untuk melaksanakan aktiviti demi memartabatkan sastera khususnya dalam genre puisi moden di Sabah.

Jika ditinjau dari sudut sumbangan kepenyairan wanita pula, Zaiton Ajamain, Sairah Antin, merupakan di antara penyair wanita yang awal muncul dalam sejarah kepenyairan wanita Sabah. Zaiton yang pernah melahirkan kumpulan puisi 'Bagai Layang-layang' terbitan DBP, pernah menerima Tokoh Penyair Islam Sabah sempena pengucapan puisi Islam Sabah. Selepas itu muncul nama-nama seperti Rubiah Nordin, Siti Rahmah G. Ibrahim, Ony Latiffah Osman, Sahara Jais dan lain-lain. Sebenarnya penulis wanita Sabah dalam genre puisi tidak berapa menonjol berbanding genre lain. Sebagai contoh, Azmah Nordin, Ruhaini Matdarin, Obasiah Osman, Noraini Osman lebih menonjol dalam genre novel dan cerpen. Azmah Nordin yang merupakan penerima SEA Write Award sering memenangi Hadiah Sastera Sabah dan Hadiah Sastera Perdana dalam genre novel dan cerpen. Demikian juga dengan Ruhaini yang selalu memenangi HSS dalam genre novel dan cerpen serta pernah memenangi sayembara menulis cerpen anjuran Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) dan Hadiah Utusan. Ruhaini juga pernah mencatat rekod terbaik memenangi Hadiah Sastera Perdana 2018 melalui novel berjudul 'Hari-Hari Terakhir di Jesselton.' Hanya Zaiton Ajamain yang dianggap konsisten menulis puisi sejak tahun 1969.





Walau bagaimanapun dalam era 1990-an, Sahara Jais muncul sebagai penulis wanita Sabah yang berkarya secara konsisten hingga kini. Beliau selalu mengikuti Peraduan Menulis Puisi Islam sempena Mahrajan Sastera Islam anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) menulis puisi moden berunsur Islam di samping rajin menulis untuk akhbar tempatan Sabah. Pencapaian terbaik Sahara ialah pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana dalam genre puisi eceran. Karya puisi berunsur Islam Sahara banyak dimuatkan dalam antologi puisi Islam terbitan DBP Sabah selain akhbar-akhbar tempatan Sabah. Kumpulan buku puisi perseorangannya ialah ‘Jelita Seorang Aisyah’ yang mengandungi puisi-puisi berunsur Islam.

Kepenyairan di Sabah bertambah menarik dengan wujudnya satu program khas iaitu Nadwah dan Mahrajan Sastera Islam Sabah dan Malam Pengucapan Puisi Islam Sabah anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dengan kerjasama DBP Sabah. Menurut Jasni Matlani (2013) walaupun masyarakat tempatan Sabah dikatakan menerima Islam sekitar abad ke-14 dan ke-15, perkembangan kesenian Islam berbentuk tulisan dan bercetak hanya terserlah pada pertengahan 1980-an.

Dengan adanya program tersebut, perkembangan puisi Sabah amat memberangsangkan dengan terbitnya antologi puisi Islam sejak tahun 1987 hingga tahun 2005. Selain itu turut diadakan Peraduan Menulis Puisi berunsur Islam dan Penganugerahan Tokoh Penyair Islam Sabah. Setakat ini beberapa orang penyair Sabah telah menarima tokoh tersebut iaitu Seri Nanti, Jamdin Buyong (Datuk), Zaiton Ajamain (Datuk), Jalidar Abd Rahim (Datuk), Harun Hj Salleh, Ismail Abas (Amil Jaya), Noraini Hj Salleh (Datuk), Shuhaibun Yusof (Datuk), Arifin Arif (Datuk), Sairah



Hj Antin, ABM Fajeer, Sukor Usin (Hasyuda Abadi), Jasni Matlani (Datuk) dan Ramli Jusoh (Ramli AR).

Perkembangan syiar Islam di Sabah telah membawa kesedaran kepada penyair untuk menulis puisi-puisi berunsur Islam. Perkembangan ini sejajar dengan galakan DBP, NGO dan agensi-agensi kerajaan yang lain, peka akan kepentingan puisi Islam sebagai media dakwah selain memartabatkan lagi dunia persuratan Melayu khususnya sastera Melayu di Sabah. Namun demikian jika usaha ini tidak dilaksanakan secara konsisten, warisan kesenian ini dikhuatiri akan tenggelam dan amat malang bagi generasi akan datang tidak berpeluang mengetahui sejarah perjuangan sastera yang pernah diidam-idamkan oleh pejuang bahasa sebelum ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Sabah, walaupun Puisi Melayu Moden telah bermula pada tahun 1950, tapi menurut Jasni Matlani (2013) puisi-puisi berunsur Islam hanya terserlah pada pertengahan tahun 1980-an. Para penulis yang menghasilkan puisi dalam era sebelum Sabah merdeka melalui Malaysia dan selepas merdeka lebih cenderung kepada tema-tema kesedaran perjuangan dalam menuntut kemerdekaan, di samping ada di antara mereka menulis puisi bertemakan sosiobudaya dan percintaan. Seperkara lagi adalah kerana belum ada pengelasan puisi berunsur Islam ketika itu kerana faktor kurang galakan dan pendedahan terhadap kepentingan puisi berunsur Islam.

Pada tahun 1985 Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) telah mengadakan Pengucapan Puisi Islam, Nadwah dan Mahrajan Sastera Islam Sabah disemarakkan lagi dengan acara, seperti Malam Pengucapan Puisi Islam, Penerbitan Antologi Puisi Berunsur Islam dan Penganugerahan Anugerah Penyair Islam Negeri Sabah. Jasni Matlani (2013) menyebutkan;

Melalui Program Mahrajan Sastera Islam Sabah, DBP sabah telah berjaya mengumpul 18 buah antologi berunsur Islam. Antaranya Antologi Puisi *Kekasih*(1987), *Ujana Laut Ujana Hati* (1989), *Al-Khafi* (1992), *Kiswah Rindu* (1993), *Qiam* (1993), *Kafilah* (1996), *Mujaddid* (1997), *Tasbih Rindu* (1998), *Cahaya* (2000), *Sapaan Bonda* (2002), *'Iktikaf* (2003), *Nyanyian Imam*(2004), *Nyanyian Iman* dan *Hadrah Cinta* (2005).

Buku-buku puisi ini menjadi khazanah sastera paling penting apabila membicarakan perkembangan sastera Islam di Sabah malah sebagai sumber penting dalam memperkatakan sastera Islam peringkat nasional mahupun nusantara. Namun demikian program tersebut terhenti mulai tahun 2006. Pada tahun 2008, kegiatan tersebut dihidupkan semula dengan jenama baharu iaitu Karnival Kesenian Islam Negeri Sabah. Malangnya penerbitan buku untuk antologi berunsur Islam tidak dapat diadakan lagi. Tokoh Penyair Islam Sabah, Hasyuda Abadi menegaskan melalui tulisan dalam blognya:

“Pemikiran Islami dapat diterapkan menerusi nadwah yang dianjurkan, di situ sahaja dapat menyalurkan gerakan aktiviti persuratan Islam dan seterusnya mengekalkan kehebatan Mahrajan Sastera Islam yang menjadi milik kita sekian lama. Bagaimanapun untuk memiliki semua ini, bergantung kepada kewibawaan dan iltizam bersama. Penulis perlu dilibatkan, aktiviti kesenian Islam harus melibatkan kelompok yang lebih luas bukan semata-mata pihak tertentu semata-mata. Kesenian Islam itu bukan hanya pada seni nasyid, Seni Khat, Seni Kompang dan sebagainya tetapi ia harus menyeluruh. Apabila bertemu dengan sahabat-sahabat lama, ada perkara yang telah dengan sengaja



menjadi buah cerita, cerita-cerita itu tetap sama. Sastera kita sepatutnya semakin melebar dalam intipati kehidupan masyarakat kita, yang telah digelombangi pelbagai perubahan budaya. Tentu sahaja apabila menoleh kembali ke belakang kita inginkan kegemilangan itu terus berlangsung”.

(Sumber : <https://hasyuda.blogspot.com>)

Menerusi Mahrajan sastera Islam, beberapa orang tokoh penyair Islam telah dinobatkan iaitu antaranya Pengiran Haji Adnan Pengiran Abbas (Allahyarham), Datuk Haji Jamdin Buyong, Ustaz Datuk Haji Jalidar Abdul Rahim, Datuk Haji Shuhaibun Yusof (Allahyarham), Datuk Hajah Zaiton Ajamain, Datuk Hajah Noraini Datuk Haji Salleh (Allahyarham), Haji Harun haji Salleh (Allahyarham) Datuk Haji Mohd Ariffin Mohd Arif, A.B.M Fajeer (Allahyarham), Hasyuda Abadi dan Datuk Jasni Matlani.



berjaya menganjurkan Sayembara Menulis Puisi Berunsur Islam. Sebanyak 10 pemenang dipilih setiap tahun yang menawarkan hadiah berpatutan. Namun sayembara yang dianggap dapat mengumpul khazanah puisi berunsur Islam di Sabah itu pun terhenti hingga ke hari ini. Pada tahun 2006 dan 2007, Mahrajan Sastera Islam tidak lagi diadakan. Menurut Jasni Matlani (2013:7) walaupun dihidupkan semula dan diserap ke dalam Program Karnival Kesenian Islam Negeri Sabah, malangnya pihak penganjur tidak lagi menerbitkan antologi puisi Islam. Hanya pada tahun 2012 dua buah antologi puisi berjaya diterbitkan iaitu ‘Sinar Sidiq dan ‘Hitam Putih’. Namun konsep penganjurannya tidak sama dengan sebelumnya kerana pengisiannya tidak lagi berfokus kepada konteks Sabah sebaliknya membuka ruang lebih luas kepada Nusantara lalu mengubah nama Nadwah Sastera Islam kepada Mahrajan Sastera Islam Nusantara. Program itu diadakan di Membakut dan diketuai oleh Wakil Rakyat



kawasan tersebut, Ariffin Arif. Beberapa orang tokoh sasterawan Nusantara dari Indonesia, Brunei dan Malaysia sendiri diberi anugerah penghargaan.

Di antara penyair yang selalu memenangi sayembara Puisi Islam Sabah ialah Hasyuda Abadi, Sahara Jais, Marmoh Kasman, Jair Sulai, Mohammad Zain AH, Ramli Gollah dan lain-lain. Manakala penyumbang tertinggi bagi antologi puisi berunsur Islam ialah Hasyuda Abadi iaitu sebanyak 52 buah puisi, Zaiton Ajamain @ Ajza Laitatul Farhan menyumbangkan 41 buah puisi. Manakala Ariffin Arif dan Jair Sulai masing-masing menyumbangkan 37 buah puisi. Jalidar Abdul Rahim menyumbangkan 36 buah puisi, Jasni Matlani, Juri Durabi, R. Hamzah Dua, Sahara Jais dan Raymond Majumah@Azlan Safie Abdullah masing-masing menyumbangkan lebih daripada 20 buah puisi.

Terdapat beberapa kumpulan atau antologi puisi yang telah dihasilkan oleh penyair di luar program Mahrajan dan Nadwah Sastera. Buku itu ialah antologi puisi *Kun* (DBP, 1991) yang diselenggarakan oleh Matlin Dullah dan Jasni Matlani, *Kalimah* (Warisan, 2001) karya ABM Fajeer, *Kumpulan Puisi Di Kebun Amal* (DBP Sabah, 2004) karya Ramlie AR, *Kumpulan Puisi Pelayaran* (DBP Sabah, 2005), antologi puisi *Kasmaran* (DBP Sabah, 2005) diselenggarakan oleh Japar Ungki dan lain-lain.

Peranan persatuan penulis dalam merencanakan penulisan puisi Islam tidak dapat dinafikan. Usaha ini telah dilaksanakan oleh Ikatan Penulis Sabah pada tahun 1997 di mana IPS telah menganjurkan Puisi Ramadan setiap tahun. Walaupun tajuk peraduan tersebut berkaitan Ramadan tapi ianya dianggap penulisan puisi berunsur Islam. Menurut Hasyuda Abadi selaku Ketua II IPS, peraduan itu bertujuan untuk



menyemarakkan lagi bulan Ramadan sebagai bulan barakah selain untuk menyampaikan mesej mentaati amalan Rukun Islam ketiga yang dianggap bulan keberkatan dan bulan keampunan. Sebanyak 10 puisi terbaik setiap tahun dipilih untuk diberikan hadiah. Namun demikian, tiada sebarang dokumentasi dibuat iaitu puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair termasuk yang memenangi hadiah tidak dibukukan. Ini merupakan satu kerugian kerana puisi-puisi itu tidak dapat ditatap oleh generasi seterusnya. Malangnya juga penganjuran puisi itu hanya dapat bertahan sehingga tahun 2007. Selepas itu, tiada sebarang usaha oleh IPS atau agensi tertentu untuk meneruskan usaha murni itu. Ianya merupakan satu kerugian kepada puisi-puisi berunsur Islam di Sabah.

Tahun 2014, DBP Sabah telah memperkenalkan pemenang bagi kumpulan puisi terbaik melalui Hadiah Sastera Sabah. Setakat ini, tiga kumpulan puisi telah diangkat sebagai pemenang Hadiah Sastera Sabah bagi kategori kumpulan puisi. Kumpulan puisi tersebut ialah “Negeri Wangi” (ITBM) karya Ramli AR, “Dongeng Perkebunan” (ITBM) karya Jasni Matlani dan “Jelita Seorang Aisyah”(ITBM), karya Sahara Jais.

Walaupun Hadiah Sastera Sabah kategori buku genre puisi tersebut tidak memfokus kepada puisi berunsur Islam, tapi ‘Jelita Seorang Aisyah’ karya Sahara Jais dianggap berjaya mengangkat kredibiliti penyair wanita Sabah khususnya dalam memartabatkan puisi berunsur Islam kerana puisi-puisi yang terkandung dalam buku tersebut adalah bertemakan ketuhanan.

Walaupun penyair Sabah produktif melahirkan Puisi Moden berunsur Islam, namun pembicaraan atau kritikan terhadapnya masih kurang. Isu kurangnya





pembicaraan terhadap karya Sabah harus dilihat dari sudut yang positif bagi tujuan bukan setakat untuk memperkenalkan buku yang dihasilkan tetapi yang amat penting dalam mengetengahkan pemikiran penyair Sabah.

Dalam hal ini, adalah amat penting mengkaji dan membicarakan pemikiran penyair dalam puisi sebagai dokumentasi yang menjadi tatapan generasi kini dan akan datang. Apatah lagi penyair cenderung menjana idea dan pemikiran melalui pengalaman berdasarkan sosio-budaya masyarakat Sabah selain melalui pendidikan dan pengalaman sendiri.

Justeru, kritikan berilmiah sangat penting untuk memperkatakan perkembangan penulisan puisi berunsur Islam untuk melihat kekuatan atau kelemahan penyair dalam menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat. Ini sejajar dengan gesaan Shafiee Abu Bakar, bahawa puisi berunsur Islam sebenarnya merupakan media dakwah kepada masyarakat. Selain itu peranan kepenyairan Sabah harus juga dilihat dalam konteks Malaysia, bukan setakat dalam konteks Negeri Sabah semata-mata. Sehubungan itu, usaha pihak berwajib harus dilipat gandakan untuk memartabatkan puisi Islam Sabah sebagai hasil karya dalam konteks Malaysia atau Nusantara. Kajian lanjut sewajarnya hendaklah diusahakan atau diberi pengiktirafan kepada pengkritik puisi Islam demi memartabatkan penyair yang terlibat atau mengangkat hasil kualiti penulisan mereka.

Pengkritik yang pernah terlibat dalam memperkatakan hasil penulisan puisi Islam ialah Kemala, Asmiaty Amat, Lokman Abd. Samad, Zaiton Ajamain, Jasni Matlani, Ariffin Arif, Shafie Abu Bakar, Abdul Halim Ali dan Arbak Othman. Jasni Matlani pernah menghasilkan buku kajian 'Perkembangan Puisi Berunsur Islam Sabah'





tahun 2013 dengan menggunakan Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar. Manakala Asmiaty Amat pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah kategori Esei Kritikan atas usaha beliau mengkritik puisi berunsur Islam Sabah tetapi beliau hanya memfokuskan seorang penulis sahaja iaitu Arifin Arif.

1.3 Permasalahan Kajian

Puisi Moden di Sabah telah bermula pada tahun 1950 dan perkembangannya sejajar dengan kepesatan kemajuan negara dalam semua bidang. Salah satu perkembangan yang menarik dalam genre ini pada pertengahan tahun 1980-an apabila puisi berunsur Islam dimartabatkan. Namun usaha itu terhenti sejak tahun 2005. Usaha DBP Sabah dan JHEAINS untuk menerbitkan sebanyak 18 buah buku antologi puisi berunsur Islam tidak boleh dipandang rendah. Namun demikian usaha memartabatkan penyair dan puisi yang telah dihasilkan tidak cukup sekadar dengan hasil menerbitkan buku tersebut semata-mata tanpa memfokuskan kualiti penulis dan kredibiliti penyair terlibat.

Abdul Halim Ali (2019) dalam satu artikelnya yang disiarkan dalam Majalah Wadah terbitan DBP Sabah menyatakan kurangnya pandangan atau perhatian karya penyair Sabah oleh ahli akademik dan mahasiswa atau mahasiswi. Walhal para penyair Sabah pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah, Hadiah Sastera Perdana dan Peraduan Menulis Puisi Islam. Ada di antara beberapa penyair Sabah pernah dianugerahkan sebagai Tokoh Penyair Islam Sabah, tetapi pembicaraan terhadap kekuatan karya mereka tidak dilakukan. Menurutnya, hanya terdapat sebuah tulisan ilmiah berasaskan kajian akademik oleh Asmiaty Amat dari UMS yang mengkaji puisi-puisi Arifin Arif





berasaskan Teori Takmilah. Sehubungan itu, amat penting kajian ilmiah dilaksanakan oleh golongan akademik bagi membantu mengukuhkan lagi hasil sesebuah karya yang dihasilkan oleh penulis. Justeru itu, puisi-puisi Islam yang dihasilkan oleh penyair Sabah kelihatan terpinggir daripada sentuhan akademik dan wacana ilmu. Walhal, beberapa kajian yang pernah dilakukan oleh Asmiaty Amat dan Abdul Halim Ali menunjukkan bahawa karya puisi Islam yang dihasilkan beberapa tokoh penyair Sabah mempunyai nilai keindahan yang tinggi dan membawa pemikiran yang relevan dengan kehidupan masyarakat semasa. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Asmiaty dan Abdul Halim Ali tidak pula mendalami secara rinci aspek pemikiran dalam puisi-puisi Islam penyair Sabah. Sorotan kajian mereka lebih tertumpu kepada aspek tema dan persoalan kepenyairan.



Pendapat tersebut diperkukuhkan lagi oleh Mohamad Shahidan (2019) dalam ^{tbupsi} analisisnya berjudul ‘Dakwah Islam dalam puisi-puisi Arifin Arif dan Marmoh Kasman’. menurutnya, tiada kajian ilmiah berbentuk tesis berkaitan perkembangan dan pembangunan pemikiran melalui bahasa puisi khususnya puisi dalam kalangan penyair di Sabah. Beliau mendapati berdasarkan pembacaan dan penelitian yang dibuat, tiada kajian keindahan yang estetik khusus dalam menyampaikan pemikiran positif, baik, bernas dan mendalam berkaitan ciri-ciri unggul masyarakat Islam dan sumbangan seni sastra khususnya puisi dalam kehidupan sosiobudaya dalam pelbagai aktiviti yang dilaksanakan.

Dalam kerangka perkembangan puisi yang lebih luas di Malaysia, penelitian berkait perkembangan puisi Islam di Sabah sangat kurang dan jarang dilakukan. Oleh itu, dalam satu sisi perkembangan ia meletakkan penyair dan puisi Islam Sabah





terpinggir dan terkeluar dalam ruang wacana ilmu. Jasni Matlani (2013:8) menyatakan tidak terdapat sebarang kajian atau penulisan buku ilmiah yang pernah dilakukan para pengkritik dan pengkaji atau sarjana yang secara khusus membincangkan karya puisi berunsur Islam di Sabah. Kekurangan ini memberi gambaran ketakseimbangan akademik dalam membuat penilaian terhadap perkembangan puisi Islam di Sabah. Sekiranya permasalahan ini tidak diatasi, maka ia akan mewujudkan lompong yang ketara dalam sejarah perkembangan puisi Islam khususnya di Sabah yang mewarnai kemajuan sastera Islam di Malaysia. Walhal Puisi-puisi berunsur Islam di Sabah sememangnya mempunyai kekuatan tersendiri kerana terbukti puisi-puisi mereka pernah memenangi Peraduan Menulis Puisi Islam Sabah atau Hadiah Sastera Sabah malah Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Namun karya-karya ini tidak pernah ditonjolkan kekuatannya dari aspek keindahan dan pemikiran yang ada hubung kait dengan perutusan keagamaan dan realiti kehidupan. Kajian mendalam dari aspek kekuatan gaya bahasa atau keindahan dan juga pemikiran yang terkandung dalam sesebuah puisi amat penting bagi mengukur kekuatan karya tersebut sebagai dorongan motivasi kepada penyair dan tatapan pembaca yang selalu mengikuti setiap karya puisi berunsur Islam. Dilah Tuah (2022) menyatakan dalam memperkatakan tahap kesempurnaan sesebuah puisi, aspek terpenting yang perlu dititiberatkan oleh penyair ialah binaan diksinya agar dapat menjernihkan dan makna atau pemikiran yang ingin disampaikan oleh penyair. Manakala Abdul Halim Ali (2019) berpendapat unsur gaya bahasa kiasan seperti metafora, personifikasi dan sebagainya tidak berdiri sendiri sebagai sebahagian unsur fizikal puisi melainkan bersepadu dengan pemikiran penyair. Kesepaduan inilah yang membentuk *stail* iaitu pemilihan gaya bahasa yang menyatu dengan ilmu perutusan dan mengesankan nilai estetika yang mendalam. Sehubungan itu, pengkaji akan cuba menganalisis puisi-puisi terpilih penyair Sabah untuk menguji





ketepatan keberkesanan aspek pemikiran dan keindahannya melalui Gagasan Estetika Bersepadu

Puisi puisi yang ditulis oleh penyair Sabah diyakini terilham kerana latar belakang penyairnya dari aspek pendidikan, latar belakang keluarga dan persekitaran. Kemungkinan juga berkaitan latar sosio-budaya, ekonomi masyarakat di Sabah yang sedang menghadapi kemelut agama, krisis identiti, perkembangan dakwah, Kecaknaan terhadap isu-isu penindasan, kasih sayang terhadap kekeluargaan dan sebagainya. Pasti nya cara penyampaian pemikiran ada perbezaan, sebab itu kajian ini penting untuk menyelongkar gaya pemikiran puisi berunsur Islam di Sabah yang pasti nya ada kekuatan tersendiri. Menurut Mohamad Shahidan (2018), penyair Sabah menulis berdasarkan pengalaman yang dialami berdasarkan latar pengalaman dalam kerjaya, pengalaman bersama keluarga, dan latar pendidikan. Menurutnya lagi, Penyair Sabah telus dan jujur dalam menyampaikan pemikiran, namun kecekapan dalam pemilihan diksi merupakan ketekunan seseorang penyair untuk menimba ilmu bantu yang diusahakan sendiri melalui pembacaan dan diskusi ilmu sastera yang disertai. Manakala Abdul Halim Ali (2019) berpendapat unsur keindahan berlaku secara bersepadu dan mempunyai perkaitan dengan aspek kebenaran di sisi agama dan realiti. Menurutnya, bukan aspek pengalaman, rasa dan objek estetik semata-mata yang dititik beratkan dalam sesebuah karya, tetapi aspek perutusan serta kebenaran di sisi agama dan realiti.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan tersebut, pengkaji berpendirian, bahawa kajian terperinci perlu dilaksanakan untuk memahami serta menyelongkari inti pemikiran dan keindahan dalam puisi-puisi penyair-penyair Sabah ini. Tujuannya





bukan sahaja untuk menunjukkan kekuatannya sebagai wadah perpuisian baharu, namun juga penting untuk membuktikan signifikasi kewujudan dan peranannya sebagai langgam penyampaian perutusan agama dalam masyarakat, khususnya masyarakat di Sabah.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Membincangkan pemikiran Islami dalam puisi-puisi terpilih yang dihasilkan oleh lima orang penyair Sabah.

1.4.2 Menganalisis kesepaduan pemikiran dan gaya bahasa (*stail*) dengan perutusan keagamaan yang disampaikan oleh penyair Sabah.

1.4.3 Menganalisis dan merumuskan perkaitan *stail* dan perutusan agama dengan realiti kebenaran yang terkandung dalam puisi.

1.5 Soalan Kajian

1.5.1 Apakah pemikiran Islami dalam puisi-puisi terpilih penyair Sabah?

1.5.2 Bagaimanakah pemikiran Islami dalam puisi-puisi terpilih penyair Sabah selari dengan konsep Estetika Bersepadu

1.5.3 Sejauh manakah aspek pemikiran Islami berkait dengan realiti dan perutusan yang ingin disampaikan oleh penyair?





1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah melihat perkembangan pemikiran penyair Sabah terutama dalam usaha menyampaikan pemikiran Islami melalui Gagasan Estetika Bersepadu yang menjurus kepada aspek kehidupan meliputi diri, keluarga, masyarakat, dengan budaya sosial dan juga kehidupan harmoni dalam masyarakat Islam.

Kajian ini juga bagi melihat kesan karya khususnya puisi terhadap tamadun dan perkembangan masyarakat, bangsa melalui pemikiran yang disampaikan dengan etika, budaya dan falsafah serta nilai keindahan yang ingin disampaikan sesuai dengan keadaan pada masa kini dan juga pada masa akan datang.



Selain itu, hasil kajian ini boleh dijadikan asas untuk memahami fungsi puisi ^{ptbupsi}

Islami berdasarkan konsep *Estetika Bersepadu* seperti yang diilhamkan oleh Abdul Halim Ali (2010), selain daripada konsep-konsep yang pernah dikemukakan oleh sarjana lain.

Hasil kajian ini juga penting dari aspek sastera dan di luar sastera bagi mengangkat dan meletakkan penyair Sabah dalam jalur perkembangan puisi Islam di Malaysia sebagaimana tokoh-tokoh penyair puisi Islam Kemala, Shafie Abu Bakar, Ali Haji Ahmad, Nahmar Jamil dan lain-lain.

Hasil kajian ini penting sebagai satu sumbangan akademik kepada dunia sastera di Sabah dalam konteks untuk memaju dan memperkembangkan lagi sumber maklumat tentang perkembangan sastera dan penulis di Sabah. Ianya amat penting demi



kelangsungan ilmu secara berterusan di Institut Pengajian Tinggi samada melalui universiti, kolej ataupun Institut perguruan Guru Malaysia. Selain itu kajian ini akan memperkayakan lagi khazanah dan sumber disiplin ilmu yang akan dapat diteruskan oleh ahli akademik yang berwibawa.

Selain itu, kajian ini juga menjadi sumber khazanah dan rujukan bagi pencinta sastera akan datang. Tanpa kajian yang mendalam, sesebuah karya akan kelihatan jumud dan tak diambil peduli kehadirannya. Sehubungan itu, generasi akan datang khususnya pencinta sastera, para pelajar dapat merujuk kekuatan sesebuah puisi melalui kajian ini untuk didokumentasikan kepada umum. Perbincangan lanjut dapat diteruskan dengan adanya kajian ilmiah seumpama ini, kerana ilmu tidak ada noktahnya. Perbincangan atau diskusi seterusnya melalui kajian ini amat penting bagi kesinambungan ilmu pada generasi akan datang. Kajian ini juga boleh disimpan di arkib atau muzium sastera atau muzium kesenian Islam bagi mengangkat kesusasteraan dan kesenian Islam.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini akan memberi fokus kepada lima buah buku Kumpulan Puisi sahaja yang dihasilkan oleh lima orang penyair Sabah. Kumpulan puisi yang dimaksudkan ialah :

- a. 'Tanah Kerinduan' karya Jalidar Abd Rahim, Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Tahun 2004

- b. 'Kembali di Lahad Raksia' karya Hasyuda Abadi, ADUN Membakut, Tahun 2008
- c. 'Sewaktu Pesawat Runduk' karya Arifin Arif, Terbitan Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), Tahun 2014
- d. 'Jernih Diri' dan 'Sejambak Munajat' karya Marmoh Kasman, Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Tahun 2015.
- e. 'Jelita Seorang Aisyah' karya Sahara Jais, Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Tahun 2016

Tumpuan dan fokus kajian ialah dalam aspek pemikiran Islami dalam puisi Melayu Moden yang dihasilkan oleh lima orang penyair Sabah seperti yang tersebut di atas. Kajian pemikiran ini berlandaskan Gagasan Estetika Bersepadu yang telah dijana oleh Abdul Halim Ali (2010). Di samping itu, kajian ini juga akan membuktikan kesepaduan gaya bahasa dan pemikiran (*stail*) dengan perutusan keagamaan dan perkaitan *stail* dengan realiti kebenaran sebagai konsep yang memperlihatkan keindahan dalam sastera Islam. Krangka konseptual ini memperlihatkan gabungan tiga idea utama iaitu :

- i) Rumus-rumus gaya bahasa dalam bidang *stilistik*,
- ii) Perutusan agama Islam yang berteraskan tiga pokok ajaran Islam, iaitu akidah, akhlak dan syariat
- iii) Prinsip perkaitan teks dengan keislaman yang dimanfaatkan dari teori *Takmilah*

Gaya bahasa yang digunakan dalam kajian ini dibataskan hanya pada rumus gaya bahasa kiasan, manakala rumus gaya perutusan agama disandarkan pada tiga asas



pokok ajaran Islam, iaitu akidah, syariat dan akhlak. Teks puisi Melayu moden yang dipilih sebagai sampel kajian bagi penerapan konsep ini ialah lima buah kumpulan puisi hasil karya lima orang penyair Sabah seperti yang dinyatakan di atas.

1.7.1 Batasan Pemilihan Teks

Pemilihan lima orang penyair dan buku yang tercatat di atas adalah kerana mereka terdiri daripada penyair yang mapan di Sabah. Arifin Arif umpamanya mendapat pendidikan di Universiti A-Azhar Mesir dan penglibatannya dalam dunia sastera bermula di bangku sekolah lagi iaitu semasa menuntut di Sekolah Agama Toh Puan Rahimah, Kota Kinabalu. Beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah dan pernah diangkat sebagai Tokoh Penyair Islam Sabah. Buku beliau berjudul 'Api laut Merah' terbitan DBP Kuala Lumpur pernah diulas oleh Arbak Othman dan Asmiaty Amat dengan menggunakan Teori Takmilah. Manakala Jasni Matlani pernah menulis artikel jurnal mengenai puisi tersebut dengan menggunakan pendekatan dakwah. Kumpulan Puisi 'Pesawat Runduk' pula pernah dibicarakan oleh Abdul Halim Ali bersama empat penyair lain dalam majalah Wadah DBP dan jurnal Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (2020).

Penyair Marmoh Kasman berpendidikan agama hingga ke Universiti Malaya. Beliau kerap memenangi Hadiah Sastera Sabah dan menang sayembara menulis puisi Islam anjuran DBP Sabah. Penglibatannya sangat konsisten dalam menghasilkan puisi-puisi berunsur Islam. Buku beliau 'Jernih Diri' dan 'Sejambak Munajat' sarat dengan tema keagamaan yang perlu dikaji dan ditatap oleh masyarakat. Malangnya kedua-dua





buah buku ini tidak pernah dibincangkan atau dikaji. Cuma pada tahun 2020 melalui program ‘Diskusi Sastera’ yang dianjurkan oleh Persatuan Sastera dan Budaya Sabah (PSBS) di Sekolah Kebangsaan Ulu Kukut, Salah seorang pengkaji puisi Malaysia, Mohamad Shahidan (2022) telah membentangkan kertas kajiannya berjudul ‘Hubungan manusia dengan Pencipta dan Hubungan Manusia Sesama Manusia. Mohamad menjelaskan kekuatan Marmoh yang banyak menonjolkan pemikiran hubungan yang baik sesama manusia. Umpamanya dalam berbuat sabar yang menjadi senjata dan perisai kepada keimanan seseorang manusia yang bertakwa. Selain menggunakan bahasa yang sangat mudah difahami, Marmoh juga tidak lupa menyelitkan gaya bahasa kiasan dalam pengucapannya, agar puisi itu dapat meninggalkan kesan estetik kepada pembaca.



Beliau telah menghasilkan lebih seribu puisi yang disiarkan di semua media tempatan termasuk Berita Harian dan majalah-majalah terbitan DBP. Beliau kerap memenangi Hadiah Sastera Sabah dan pernah tiga kali memenangi Hadiah Sastera Malaysia/Perdana melalui genre puisi eceran. Dalam buku beliau ‘Kembali di lahad Rahsia’ banyak mengandungi puisi-puisi berunsur Islam dan sebahagiannya pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah kategori puisi eceran dan pernah memenangi Sayembara Menulis Puisi Islam Sabah. Beliau juga merupakan salah seorang Tokoh Penyair Islam Sabah pada tahun 1998. Beliau pernah dianugerahkan Tokoh Penyair Islam Sabah dan Anugerah Sasterawan Sabah pada tahun 2022. Hasyuda yang pernah mendapat bimbingan daripada Sasterawan Negara, iaitu Kemala, sudah pastilah beliau mempunyai kekuatan dalam puisi-puisi yang berunsur keislaman. Menyoroti kumpulan puisi ‘Kembali di Lahad Rahsia’ sudah tentulah ramai yang beranggapan puisi-puisi tersebut berkisar





tentang kematian dan pengalaman kekeluargaan serta bersama rakan-rakan seperjuangan. Menurut Jasni Matlani dalam ruangan kata pengantar buku ini, menjelaskan bahawa terdapat beberapa puisi terapi yang menonjolkan kekuatan Hasyuda dalam dunia perpuisian tanahair. Manakala Abdul Halim Ali (2023) dalam kertas kajiannya mencadangkan agar perancangan strategik untuk mengangkat nama Hasyuda setanding dengan penyair lain di Malaysia harus dilaksanakan memandangkan penyair ini memiliki ketekunan, semangat dan nuansa perjuangan yang tinggi dalam dunia sastera. Abdul (2023) yang juga merupakan pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), berpendapat Hasyuda wajar diberi sokongan bagi mengangkat ketokohan, keterampilan dan sumbangan pemikiran yang memberi kesan dan impak kepada kemajuan dan perkembangan sastera kebangsaan. Katanya, perlu ada pendedahan karya-karya Hasyuda untuk dikaji oleh pelajar sarjana dan Ph.D, selain karyanya perlu diwacanakan bagi membincangkan pemikiran Hasyuda di dalam puisi.

Manakala Sahara Jais pula kerap memenagi hadiah Sayembara Menulis Puisi Islam Sabah, Hadiah Sastera Sabah dan Hadiah Sastera Perdana. Beliau banyak menonjolkan tokoh-tokoh wanita Islam dalam karyanya. Dari sudut karya pula, bukunya Kumpulan Puisi 'Jelita Seorang Aisyah' mempunyai kekuatan kerana beberapa buah puisi berunsur Islam pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah dan Hadiah Sastera Perdana kategori puisi eceran. Dalam laporan panel Hadiah Sastera Perdana 2015/2016, kumpulan puisi 'Jelita seorang Aisyah' merupakan di antara 10 buah buku yang tersenarai dalam pemilihan akhir. Kriteria penilaian umum ialah kekuatan kesatuan organik puisi, kekuatan keaslian persoalan yang ditampilkan secara matang, keseimbangan estetika bahasa dengan persoalan kemanusiaan, keindahan





moral dan inovasi dan kreativiti. Menurut panel penilai, kumpulan puisi ini tersenarai kerana hasil dan kesan daripada renungan dan penghayatan yang mendalam, serta sebuah hasil kesenian yang harmonis. Di samping itu puisi-puisi yang terkandung di dalam buku tersebut menimbulkan kepekaan terhadap sensitiviti, persepsi, inovasi dan daya imaginasi, penghayatan dan daya sublimasi. Namun panel penilai telah memutuskan 77 Tujuh oleh Zaen Kasturi, terbitan ITBM 2015 sebagai pemenang kategori kumpulan puisi. Berdasarkan hujahan tersebut, pengkaji memutuskan untuk mengkaji puisi-puisi yang terkandung dalam ‘Jelita Seorang Aisyah’ kerana ingin menyelongkar di sebalik kekuatan pemikiran puisi-puisi tersebut.

Seorang lagi penyair ialah Jalidar Abd Rahim merupakan seorang pendakwa dan aktif dalam mencipta lagu-lagu nasyid di samping penulis puisi. Beliau pernah diangkat sebagai Tokoh Penyair Islam Sabah pada tahun 1996 dan terlibat secara langsung dalam Mahrajan Sastera Islam dan Pengucapan Puisi Islam setiap tahun di Sabah. Beliau juga merupakan panel penilai bagi Sayembara Menulis Puisi Islam Sabah. Di dalam buku kumpulan puisi ‘Tanah Kerinduan’ terdapat beberapa puisinya yang telah memenangi peraduan puisi Islam Sabah. Oleh itu, amat wajarlah pengkaji mengetengahkan karya-karya beliau.

Berdasarkan alasan-alasan dan hujahan tentang tokoh dan buku-buku yang telah dihasilkan serta kriteria yang dijelaskan dalam ruangan ini, pengkaji ingin memilih buku-buku tersebut yang dihasilkan oleh lima orang penyair Sabah seperti mana yang dinyatakan. Moga dengan terhasilnya kajian ini, dapat memberi sumbangan pemikiran yang berharga kepada pencinta puisi moden di Malaysia secara keseluruhannya.





1.7.2 Batasan Pemilihan Prinsip Gagasan Estetika Bersepadu

Gagasan Estetika Bersepadu telah teruji dalam menganalisis beberapa karya di Malaysia. Bermula dengan Abdul Halim Ali melalui kajian peringkat Doktor Falsafah pada tahun 2010, gagasan ini telah berkembang dan mendapat perhatian para sarjana. Di antara yang menulis tentang gagasan ini ialah Mana Sikana. Dalam buku kritiknya, 'Berdiri di Akar Melayu, Mana Sikana (2013:13-17) menjelaskan bahawa krangka konsep Estetika Bersepadu bersandarkan kepada konsep pencernaan yang tercerna di sebalik keindahan gaya bahasa dan perutusan agama. Mana Sikana, yakin Abdul Halim menilai teks sastera yang mempunyai fungsi dan sifat hampir sama dengan manusia. Teks sastera bukan semata-mata teks, tetapi ia adalah sebuah amanah yang dapat mendidik dan membawa perutusan Pencipta yang hakiki. Dalam hal itu, pengaranglah yang bertanggungjawab membawa manusia dengan kebenaran supaya mengabdikan diri kepada pencipta yang hakiki. Mana Sikana mendapati konsep Estetika Bersepadu berteraskan keindahan yang bermakna di sisi kebenaran iaitu keindahan teks terbahagi kepada dua, iaitu keindahan luaran yang meliputi aspek bahasa. Kedua, keindahan dalaman yang meliputi estetik perutusan tergambar pada pemikiran pengarang yang sejajar dengan kebenaran, iaitu selari dengan ajaran agama Islam dan sejajar dengan realiti. Maknanya teks sastera bukan dilahirkan dengan imaginasi semata-mata atau perbincangan kosong, sebaliknya ia sebuah wadah ilmu, dakwah dan pengajaran untuk membawa manusia kepada kebenaran agama dan realiti. Mana Sikana berpendapat, kekuatan konsep Estetika Bersepadu terletak pada pengaplikasian gaya bahasa kiasan untuk menemui pemikiran serta perutusan agama yang hendak disampaikan oleh pengarang. Seterusnya Perkaitan stail dengan kebenaran yang meliputi tiga asas ajaran agama iaitu akidah, syariat dan akhlak dan dapat





dibuktikan dengan kebenaran realiti semasa. Hujahan Mana Sikana itu, jelas membuktikan kesepaduan gaya bahasa berperanan melahirkan makna dan pemikiran dan seterusnya perutusan agama yang ingin disampaikan oleh penyair dalam sesebuah puisi. Berdasarkan pandangan Mana Sikana itu, dua prinsip dalam Gagasan Estetika Bersepadu amat sesuai untuk menganalisis puisi, iaitu kesepaduan gaya bahasa dan pemikiran(*stail*) dengan perutusan agama, dan perkaitan *Stail* dan realiti kebenaran kehidupan dengan perutusan.

Hashim Ismail (2019:45-46) dalam kajiannya berjudul ‘Teori Puitika Sastera Melayu : Interpretasi dan Praktikaliti’, yang cuba membandingkan keindahan yang dibawa oleh Muhammad Haji Salleh (2000) dan Braginsky (1994). Menurut Hashim, Abdul Halim Ali secara kritis merumuskan bahawa Braginsky menemukan hubungan yang signifikan antara tekstual teks dengan agama Islam sebagai teras utama yang memancarkan keindahan, manakala Muhammad Haji Salleh menemukan tekstual teks dengan warisan bangsa Melayu sebagai terasnya. Justeru itu, menurut Hashim Ismail, konsep keindahan yang dikemukakan oleh Abdul Halim Ali sebagai ‘Estetika Bersepadu’ digabungkan dari dua teras, iaitu pertama, kesepaduan unsur dalaman (bahasa/bentuk/teknik/plot). Kesepaduan ini menzahirkan *stail*. Kedua, perkaitan *stail* (kesepaduan unsur dalaman) dengan kebenaran (agama dan realiti).

Manakala Shafie Abu Bakar (2013) yang mengulas kertas analisisnya “Estetika Bersepadu’ mendapati Abdul Halim Ali membuat pendekatan menurut perspektif Islam. Shafie meyebut kelemahan Estetika Bersepadu dengan mengambil contoh Adam bagi melambangkan kesempurnaan dan keindahan dari segi luaran dan dalaman. Menurutnya, contoh ini agak janggal, kerana refleksi keindahan, kesempurnaan dan





kebesaran dan keagungan sewajarnya dinisbahkan kepada Allah SWT. Nabi Muhammad SAW adalah Abul Anbiya, sedangkan Adam adalah Abul Bashar.

Berdasarkan pandangan tiga orang sarjana seperti di atas, pengkaji berpendirian untuk membataskan hanya dua daripada tiga prinsip konsep Estetika Bersepadu digunakan untuk mengkaji pemikiran Islami dan puisi-puisi terpilih penyair Sabah. Prinsip tersebut ialah (1) kesepaduan *Stail* dengan perutusan agama, (2) Perkaitan *stail* dan perutusan dengan kebenaran realiti. Ini adalah kerana dua prinsip ini cukup padat dalam memperkatakan pemikiran serta kesepaduannya dengan gaya bahasa kiasan dengan perutusan yang ingin disampaikan oleh penyair Sabah. Genre puisi merupakan genre yang sentiasa diperkatakan pemikirannya melalui penggunaan diksi dan gaya bahasa. Abdul Halim Ali dalam kajian tesisnya terhadap puisi-puisi Kemala dan pengkaji puisi yang lain, banyak mengkaji puisi-puisi yang lain menggunakan kesepaduan dan perkaitan *stail*. Kajian mereka lebih menjurus melihat gaya bahasa dalam puisi di samping perutusan dan kebenaran realiti. Oleh itu amat sesuai jika dua prinsip ini digunakan bagi mengukur kekuatan sesebuah puisi. Demikian juga perkaitan *stail* dan perutusan dengan kebenaran dalam kehidupan harian penyair dapat diselongkari melalui prinsip ini.

1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang memerlukan definisi menurut pandangan para tokoh dan para sarjana. Definisi operasional ini bertujuan memudahkan pengkaji memberi pemahaman kepada pembaca tentang aspek yang perlu diberi





perhatian semasa proses kajian ini dilaksanakan. Istilah yang hendak dijelaskan di sini ialah judul yang perlu diberi keutamaan semasa mengupas kajian ini.

1.8.1 Pemikiran Islami

Menurut Hassan Ahmad (2004:1-11), pemikiran ialah proses kognisi atau akal yang sifatnya sejagat, yakni dimiliki oleh semua manusia tidak kira bangsa, justeru itulah manusia dikatakan makhluk yang rasional dan berakal, berbeza daripada haiwan. Ujarnya pemikiran Melayu cukup analogis sifatnya, kerana pemikiran disampaikan melalui kaedah perumpamaan, kiasan, tamsil ibarat, dan juga melalui teknik ironi yang dilihat sebagai menyerlahkan sifat kegeniusan, kegeligaan dan kebijaksanaan minda Melayu. Manakala Asmah Haji Omar (2021:4) berpendapat pemikiran itu adalah kemampuan manusia melakukan persepsi terhadap alam nyata dan di samping itu menimbulkan apa yang dipersepsikan dalam konsep-konsep yang diwujudkan oleh bahasa merupakan pandangan atau penglihatannya terhadap dunianya. Unsur-unsur bahasanya merupakan teropong penglihatan dunianya itu tidak hanya terbatas kepada perbendaharaan kata tetapi meliputi juga unsur-unsur nahu. Naffi Mat (2013:7) menyatakan pemikiran yang rasional dan intelektual menekankan soal-soal keluhuran dan pandangan hidup akliah. Manakala Baha Zain (1991:18) menjelaskan pemikiran dianggap sebagai induk atau nadi yang menghidupkan semangat seseorang penulis untuk melebarkan jalan perjuangan mereka menerusi hasil seni.

Muhammad al Bahi dalam Wan Adli Wan Ramli dan Muhamad Kamil Ab. Majid (2005) mendefinisikan pemikiran Islam ialah satu usaha akliah dengan





bersungguh-sungguh para ulama Islam untuk mensyarahkan, menerangkan dan menjelaskan Islam berdasarkan sumbernya yang asal iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Muhsin Abd al-Hamid di dalam tulisan Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Ab Majid (2005:3) mendefinisikan pemikiran Islam adalah setiap apa yang dihasilkan oleh pemikiran umat Islam sejak pengutusan Rasulullah s.a.w sehingga hari akhirat, mengenai pengetahuan terhadap seluruh kewujudan yang berbangkit dengan alam dan insan, dan diiktibarkan sebagai ijihad akal kemanusiaan dalam mentafsir seluruh pengetahuan tersebut dalam krangka prinsip Islam samada dari sudut akidah, syariah atau akhlak. Pemikiran Islam juga didefinisikan sebagai himpunan ilmu dan pengetahuan yang tertegak atas asas-asas dan neraca ukuran Islam.

Manakala Mohd Kamal Ab Majid (2005:4) mendefinisikan pemikiran Islam sebagai gagasan, idea dan fikiran dari perspektif Islam sebagai respon intelektual kepada persoalan Tuhan, manusia, alam, kehidupan, kematian dan kewujudan keseluruhannya yang timbul daripada pertembungan Islam dengan kebudayaan dan peradaban asing atau respon terhadap masalah dalaman umat Islam. Beliau juga menyatakan bahawa sumber pemikiran Islam adalah al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, pemikiran Islam yang mengambil pengajaran dan pengalaman daripada akal yang sihat. Pemikiran Islam juga tidak menolak sumber-sumber sejarah dan warisan-warisan peradaban manusia. Bidang ilmu yang secara khusus dikaitkan dengan pemikiran Islam ialah falsafah kalam dan tasawuf. Matlamat pemikiran Islam pula ialah agar umat Islam dapat mengharungi kehidupan semasa dan pegangan yang kukuh terhadap keaslian agama.





Shahnon Ahmad (1981), mengatakan perkataan “Islam” dari segi etimologi berasal dari perkataan Salima yang bermaksud “Selamat”. Selamat dalam erti kata membawa kesejahteraan dan kebahagiaan terhadap umat manusia, sama ada di dunia ataupun di akhirat. Begitu juga dalam kata Salima itu tersirat makna berkeyakinan bahawa Allah ialah Tuhan langit dan bumi, Pencipta semua makhluk dan penguasa seluruh alam.

Sehubungan itu, Islam mempunyai kaitan yang sangat akrab dan dekat kepada tauhid, yang menjadi bahagian atau kerangka penting dalam mendasari keimanan manusia. Justeru, “Islam” bermakna penyerahan kepada Allah semata-mata, tempat berpusatnya segala bentuk penyembahan amalan, dan segala yang manusia lakukan.



Oleh itu, manusia mesti bekerja selaras dengan kehendak dan perintah Allah dalam mencari keredaan-Nya. Hal ini selaras dengan jaminan Allah bahawa hanya Islam, agama yang benar diredai-Nya dan berlandaskan al-Quran dan Hadis.

Pandangan Muhammad Qutb dalam Muhammad Bukhari Lubis (2023:4) memberi penjelasan tentang Kesenian Islami bukannya terbatas kepada penyebutan Islam semata-mata dan tidak terbatas kepada pembicaraan akidah yang disulami dengan falsafah semata-mata. Islami ialah ungkapan-ungkapan yang indah tentang Islam, kehidupan dan insan itu sendiri. Justeru itu pemikiran Islami ialah cetusan yang menganjurkan pertemuan yang sempurna antara ‘keindahan’ dengan ‘kebenaran’.

Justeru itu, pengkaji beranggapan adalah lebih baik digunakan istilah ‘Pemikiran Islami’ dalam kajian ini kerana ia merupakan ciri-ciri pemikiran yang tidak



terbatas kepada penyebutan Islam iaitu membincangkan tentang akidah, syariat dan akidah semata-mata. Tetapi ia merujuk kepada ciri-ciri keislaman itu sendiri yang sukakan keindahan dan dalam mengkaji puisi-puisi karya penyair Sabah ini, pengkaji mengaitkannya dengan penggunaan gaya bahasa kiasan yang menunjukkan ciri-ciri keindahan sesebuah puisi yang bersepadu dengan pemikiran dan perutusan.

1.8.2 Puisi-Puisi Terpilih

Puisi pada dasarnya lebih merupakan sifat atau nilai keindahan dalam pengungkapan bahasa. Ungkapan atau penggunaan bahasa yang indah disebut puitis (Abdul Halim Ali, 2013:2). Rahman Shaari (1987), menyatakan bahawa sajak ialah puisi Melayu moden yang muncul di Malaysia tahun 1930-an. Sajak muncul hasil daripada perubahan sikap, pemikiran, pandangan hidup dan beberapa aspek kehidupan hasil daripada pengaruh Barat (Rahman Shaari, 1978:76). Manakala Abdul Aziz Mahmood (2023) yang memetik pendapat al-Qadi al-Jurjani berpendapat bahawa puisi adalah salah satu ilmu pengetahuan bangsa Arab di dalamnya terkandung unsur seperti ciptaan kepintaran yang menjadi teras kepadanya. Menurut lagi, pengkaji Barat mendefinisikan puisi sebagai bahasa Imajinasi yang mempunyai irama yang dilahirkan daripada makna dan idea. Mohamad Shahidan (2018), berpendapat puisi-puisi terpilih ialah puisi yang berkualiti di mana penyair telah membuktikan bahawa itu adalah bahasa puisi sebenar yang mengandungi gaya bahasa kiasan atau simbolisme yang terbungkus pemikiran di dalamnya. Biasanya puisi yang berkualiti memberi kesan kepada daya fikir serta memberi kesan emosi kepada pembaca untuk mengingati cetusan idea dan pemikiran yang ingin disampaikan.



Dalam pemilihan puisi ini, pengkaji akan memilih puisi-puisi Islami yang mempunyai ciri-ciri pemikiran Islami berdasarkan tiga asas ajaran di dalam Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak. Puisi-puisi berkenaan mempunyai kekuatan dari segi penggunaan diksi, keindahan gaya bahasa dan pemikiran. Selain itu, pengkaji juga gemar untuk menganalisis puisi-puisi yang pernah memenangi sebarang peraduan atau hadiah sastera peringkat negeri Sabah mahupun di peringkat kebangsaan. Selain itu, pemilihan puisi-puisi ini bersesuaian dengan aplikasi perbincangannya menggunakan Gagasan Estetika Bersepadu.

1.8.3 Penyair Sabah



Menurut Abdul Halim Ali (2005), penyair ialah salah satu gelaran yang dirujuk kepada orang yang pakar dalam kerja-kerja penciptaan puisi. Syair pula ialah sebahaian daripada puisi. Suprpto(1993) menyebutkan, penyair ialah orang yang ahli dalam mengubah atau mengarang syair atau puisi. Daripada kata syair lahir istilah penyair. Penyair dalam konteks kajian ini ialah lima orang penyair Sabah iaitu penyair yang lahir di Sabah atau telah menetap di Sabah lebih daripada 20 tahun. Penyair terpilih iaitu Ariffin Arif, Marmoh Kasman, Hasyuda Abadi, Sahara Jais dan Jalidar Abd Rahim berdasarkan justifikasi yang dijelaskan dalam 1.7.1.





1.8.4 Konsep Estetika Bersepadu

Konsep ialah pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat;2015:816). Manakala Estetika Bersepadu pula ialah teori sastera yang diperkenalkan oleh Abdul Halim, seorang Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak. Pada mulanya kajian ini merupakan krangka konsep yang digunakan dalam kajian akademik Ijazah Kedoktoran pada tahun 2010. Krangka konsep ini bersandarkan kepada konsep keindahan yang tercerna di sebalik keindahan gaya bahasa dan perutusan keagamaan. Idea konsep Estetika Bersepadu bersempena dengan al-Quran sebagai teks asal yang memberi gambaran dan sifat keindahan hakiki yang mencerminkan keindahan manifestasi dalam teks kesusasteraan di samping buku 'Manusia dan Islam' karya Haron Din, et al. terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1997, sebagai asas rujukan dalam memahami hakikat kejadian manusia dan hubungannya dengan Tuhan serta hubungannya dengan makhluk yang lain. Teras teoretikal Estetika Bersepadu ialah keindahan yang bermakna di sisi kebenaran (Abdul Halim Ali;2013:137-138). Keindahan teks terbahagi kepada dua iaitu keindahan luaran yang meliputi estetik bahasa yang tergambar pada penggunaan unsur-unsur gaya bahasa dan penyampaian bahasa. Kedua, keindahan dalaman yang meliputi estetik perutusan tergambar pada pemikiran pengarang yang sejajar dengan kebenaran. Bagi Halim Ali, kebenaran adalah teras penting Estetika Bersepadu, yakni teks kesusasteraan seharusnya mendokong kebenaran di sisi agama dan di sisi realiti. Ini bermakna teks kesusasteraan bukannya hasil imaginasi kosong seseorang pengarang, sebaliknya sebagai wadah ilmu untuk menyampaikan nasihat, dakwah dan ajaran yang berguna kepada manusia.





1.9 Kerangka Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Aspek kandungan yang dikaji meliputi pemikiran Islami dalam puisi-puisi penyair Sabah. Dalam kajian ini, pengkaji akan cuba untuk memahami pemikiran Islami di mana fokus analisis ditumpukan kepada dua iaitu kesepaduan *stail* dan pemikiran dengan perutusan keagamaan, (2) Perkaitan Pemikiran dan perutusan dengan kebenaran.

Aspek kandungan dianalisis cara deskriptif berpandukan prinsip kesepaduan dan prinsip perkaitan yang dikemukakan oleh Abdul Halim Ali (2010) menggunakan *Gagasan Estetika Bersepadu*. Berdasarkan analisis ini, kajian ini dijangka dapat

menjawab tiga persoalan kajian dan tiga objektif kajian yang ditetapkan.

